

BAB LIMA

BAB LIMA: PENUTUP

5.1 Kesimpulan

Dakwah merupakan tugas suci yang menjadi warisan para Rasul. Ia bukan hanya merupakan kewajipan para ulama, tokoh-tokoh agama sahaja, malah menjadi tanggungjawab seluruh umat Islam yang mengakui, mempercayai dan menerima risalah yang diwariskan dari Nabi Muhammad s.a.w. Selaras dengan sifatnya yang universal dan sejagat, maka dakwah amat diperlukan oleh setiap manusia pada setiap masa dan zaman sebagai wadah bagi mengembalikan martabat manusia, setaraf dengan kedudukannya sebagai sebaik-baik kejadian.

Lantaran kerana visinya yang suci, maka dakwah tidak boleh perlakukan sesuka hati tanpa merancang strategi, pendekatan dan perlaksanaannya agar mudah diterima oleh sasaran dakwah. Disamping itu pendakwah perlu menampilkan personaliti yang menarik untuk dijadikan sebagai salah satu daya tarikan untuk menyertai dakwah. Kejayaan satu-satu kegiatan dakwah juga bergantung kepada sejauhmana pendakwah mengenali sasaran dakwah dari sudut gaya hidup, tahap pemikiran dan masalah yang dihadapi sasaran.

Berdakwah terhadap Mak Nyah muslim juga memerlukan kebijaksanaan para pendakwah mempraktikkan elemen-elemen budaya, sensitiviti, psikologi dan sebagainya. Dalam hal ini, pendakwah perlu membuat penyelidikan yang terperinci untuk menghadapi golongan sasaran ini, disamping peka terhadap peluang yang

terdapat pada sasaran dakwah agar boleh dimanfaatkan sebagai elemen yang menyokong gerakan dakwah. Berdasarkan kajian, didapati Mak Nyah adalah istilah kepada lelaki yang menampilkan diri sebagai perempuan. Proses pembentukan identiti Mak Nyah banyak dipengaruhi oleh pendidikan dan persekitaran, sikap ibu bapa dan faktor semulajadi atau baka. Oleh kerana identiti yang ditampilkan itu berlainan dengan sifat semulajadi, maka mereka banyak menghadapi dilema dalam kehidupannya terutamanya Mak Nyah muslim. Mereka bukan sahaja berdepan dengan undang-undang, penerimaan keluarga dan masyarakat, penentuan identiti jantina, mendapatkan pekerjaan malah menghadapi dilema ketika mahu menjalankan tanggungjawab sebagai seorang muslim.

Kini, kehidupan Mak Nyah muslim telah banyak berubah dari sudut ekonomi seiring dengan pembangunan ekonomi negara. Pendapatan bulanan yang stabil dan kediaman yang selesa di Kuala Lumpur telah menarik lebih ramai lagi golongan ini mencuba nasib di Kuala Lumpur. Peluang perniagaan dan kerjaya yang lebih terbuka turut menyumbang kehadiran mereka ke Bandaraya ini. Kerjaya sebagai jurusolek dan mengandam pengantin semakin dikuasai oleh golongan ini sahaja.

Gerakan dakwah terhadap Mak Nyah muslim secara langsung di Kuala Lumpur hanya bermula pada tahun 1991 oleh pihak JAKIM tetapi terhenti pada tahun 1997. Badan-badan dakwah kerajaan dan badan dakwah bukan kerajaan yang dipertanggungjawab menyebarluaskan Islam kepada seluruh umat Islam masih gagal menyebarluaskan Islam kepada semua lapisan masyarakat termasuklah Mak Nyah muslim. Program dakwah yang disusun khusus untuk golongan minoriti ini, tidak

pernah dilakukan. Jika ada pun ia hanyalah mengharapkan penyertaan Mak Nyah muslim dalam program-program dakwah yang dianjurkan untuk semua peringkat masyarakat. Penerbitan buku-buku dan majalah serta televisyen dirasakan sudah memadai untuk golongan yang semakin hari semakin bertambah jumlahnya. Program dakwah khusus untuk golongan ini hanya dilakukan oleh orang perseorangan dan ianya bermula pada tahun 2000. Ini bermakna usaha dakwah terhadap mereka secara serius adalah satu usaha yang baru.

Kekurangan inisiatif pendakwah dan badan dakwah membina hubungan peribadi dengan golongan minoriti ini menyebabkan mereka hidup dalam kelompok mereka sahaja. Akibatnya, budaya hidup semakin terpisah dengan budaya hidup masyarakat Islam. Kecanggihan teknologi kini tidak dimanfaatkan sebaik mungkin bagi menyebarkan Islam kepada golongan ini. Semua ini akibat sikap pendakwah dan badan-badan dakwah yang malas merancang dan berfikir untuk menjalankan satu tanggungjawab yang diamanahkan.

Tumpuan gerakan dakwah oleh badan-badan dakwah hanya kepada umat Islam yang sedia memberi komitmen kepada program dakwah. Sikap mengambil mudah dengan menjalankan sahaja program-program yang dirancang pada masa lalu tanpa mengambil kira keperluan semua pihak. Walaupun terdapat badan-badan dakwah yang cuba memaparkan isu-isu semasa, namun penyebarannya masih disasarkan kepada sekelompok umat Islam yang sama.

Kajian telah dibuat bagi melihat sikap, penglibatan dan reaksi mereka terhadap kesesuaian program dakwah yang dijalankan terhadap Mak Nyah muslim. Hasil kajian mendapati Mak Nyah muslim tidak menolak program dakwah yang dijalankan malah 84.8 % daripada mereka mengatakan suka terhadap program dakwah, kerana pada pendapat mereka program dakwah merupakan landasan bagi mereka mendapatkan ilmu.

Dari sudut penglibatan, didapati hanya satu pertiga daripada mereka pernah melibatkan diri dalam program dakwah. Ini kerana 37.6 % menyatakan mereka sibuk dengan kerjaya sehingga tidak berkesempatan untuk melibatkan diri dalam program dakwah. Tambahan pula objektif yang kabur, masa dan tempat program tidak disusun dengan teliti .

Dari aspek kesesuaian pula, kajian mendapati hanya 6.1 % sahaja daripada Mak Nyah muslim merasakan program dakwah yang dijalankan bersesuaian dengan citarasa dan kehendak mereka. Keadaan ini menunjukkan bahawa gerakan dakwah yang dijalankan masih gagal mempamerkan satu bentuk manhaj yang menarik minat sasaran dakwah. Lantaran itu, keberkesanan program dakwah yang dianjurkan terhadap Mak Nyah muslim adalah agak mengecewakan. Ini kerana hanya 6.1 % sahaja mengatakan semua program dakwah memberi kesan kepada diri mereka.

Dilihat keberkesanan dari sudut kefahaman, didapati hanya 6.3% yang dapat memahami semua kandungan program dakwah. Kelemahan yang ketara ialah kegagalan pendakwah menyampaikan isi dakwah dengan gaya persembahan yang

menarik malah gagal membentuk sasaran supaya mengamalkan ajaran Islam dan meninggalkan perkara-perkara maksiat.

Dari apa yang dinyatakan diatas, maka dapat dirumuskan bahawa gerakan dakwah terhadap Mak Nyah muslim di Kuala Lumpur adalah kurang berkesan. Keadaan ini berlaku adalah disebabkan faktor-faktor kredibiliti pendakwah yang tidak menarik minat sasaran dakwah disamping kelemahan pendekatan, pengurusan dan perlaksanaan dakwah. Jelasnya, kegagalan program dakwah adalah lebih banyak berpunca dari kelemahan pendakwah dan badan-badan dakwah, bukannya sasaran dakwah.

Kelemahan-kelemahan tersebut juga adalah akibat daripada kelesuan dan kemalasan berfikir perancang-perancang pengurusan dakwah kerana suatu pembaharuan memerlukan kepada kreativiti dan kreativiti memerlukan kegigihan dan semangat yang kental.

Di samping itu, kelemahan tersebut juga berpunca dari kurangnya usaha pendakwah dan badan-badan dakwah membuat kajian dan menyelidik mengenai keperluan semasa sasaran dakwah. Dalam hal ini, pendakwah dan badan-badan dakwah perlu menyesuaikan pendekatan yang efektif dengan situasi sasaran dakwah, bagi meningkatkan keberkesanannya.

Justeru itu, operasi dan pengurusan dakwah terhadap Mak Nyah muslim khususnya di Kuala Lumpur memerlukan satu transformasi melalui anjakan paradigma

bagi mengubah senario percaturan dakwah yang semakin mencabar. Anjakan paradigma ini menuntut suatu perubahan sikap, minda, hati dan jiwa individu pendakwah itu sendiri.

Jelasnya, gerakan dakwah terhadap golongan ini memerlukan revolusi insaniah yang total di kalangan pendakwah dan badan-badan dakwah kerana peralihan paradigma ini bukan hanya diperlukan untuk meningkatkan kualiti dan produktiviti para pendakwah sahaja, tetapi juga meliputi pentadbiran dan reformasi total seluruh pandangan hidup, sistem nilai, sikap, pemikiran, budaya kerja dan jiwa setiap pendakwah.

Dalam menghadapi cabaran dakwah dan modenasi masa kini, dakwah perlu diperluaskan ruang lingkup seruannya. Modus operandi dakwah perlu digerakkan secara lebih sistematik tertutama bagi golongan yang bermasalah seperti Mak Nyah muslim. Media massa diakui mempunyai kesan dalam mempengaruhi masyarakat perlu dimanfaatkan. Bagaimanapun budaya super-secular yang menjadi inti kepada masyarakat bermaklumat sedang menyerap masuk dan mempengaruhi corak kehidupan masyarakat termasuk Mak Nyah muslim. Corak dan kerja dakwah dalam menghadapi situasi ini , perlulah mengadakan perubahan . Perubahan secara menyeluruh dalam perancangan, pendekatan dan perlaksanaan dakwah terhadap Mak Nyah muslim perlu dilakukan segera.

Jelasnya, anjakan paradigma juga diperlukan dalam perlaksanaan dakwah terhadap golongan minoriti ini dengan kembali kepada konsep pendekatan dakwah

yang telah dilaksanakan oleh junjungan besar Nabi Muhammad s.a.w seperti perbincangan secara rasional dan nasihat yang baik yang telah terbukti keberkesanannya.

5.2 Saranan

Bagi mengatasi beberapa persoalan dalam dakwah terhadap Mak Nyah muslim di Kulala Lumpur, malah jika mampu dapat dihapuskan dan diperbaiki segera. Penulis cuba memberikan beberapa saranan kepada pendakwah, institusi dakwah, sasaran dakwah dan media dakwah bagi menangani persoalan ini.

Pendakwah

Pendakwah yang berjaya ialah pendakwah yang benar-benar memahami isi dakwah, mengenalpasti kumpulan sasaran dan kemudian berusaha menyampaikan dakwah dengan menggunakan metodologi dakwah yang sesuai. Dengan itu disarankan agar pendakwah menggunakan metodologi dakwah yang bersesuaian dengan Mak Nyah muslim di samping menggunakan pelbagai teknik penyampaian selaras dengan perkembangan teknologi semasa. Metodologi dan teknik dakwah yang baik ini amat diperlukan untuk mencapai kejayaan dakwah sepenuhnya.

Pendakwah mestilah mengenal pasti kumpulan sasarnya secara lebih tepat dan terperinci sama ada peringkat umur, tahap pendidikan dan tahap ekonomi supaya tumpuan program lebih berpusat kepada kumpulan sasaran sahaja. Dengan ini

keberkesanan program dakwah dapat diukur, dinilai dan dikenalpasti sebab-sebab kejayaan dan kegagalan. Pendakwah hendaklah menentukan dengan jelas objektif yang hendak dicapai serta yang mampu dilaksanakan supaya ianya tidak menjadi angan-angan kosong atau objektif yang tidak dapat diukur dan dipastikan. Ini penting kerana kebanyakan objektif-objektif pendakwah lebih merupakan satu yang abstrak sehingga sukar untuk mengukur dan mengenalpasti sesuatu kejayaan atau kegagalan yang dihadapi hasil usaha mereka .

Pendakwah hendaklah memastikan bahawa apa jua program dan aktiviti yang dijalankan ia mestilah bertujuan untuk meningkatkan pengetahuan atau kefahaman, penghayatan ajaran Islam dan meninggalkan perkara-perkara maksiat.

Para pendakwah sebaik-baiknya melengkapkan diri dengan berbagai ilmu pengetahuan selain daripada ilmu agama yang telah sedia ada. Mereka perlu mempelajari serta mendalami berbagai cabang ilmu lain seperti ilmu bahasa, ilmu komunikasi, psikologi manusia, sains dan teknologi dan ilmu-ilmu yang berkaitan. Ini kerana kejayaan pendakwah adalah terletak di atas profesionalisme serta kebolehan dalam berbagai bidang ilmu.

Pendakwah perlulah mempunyai akhlak yang tinggi, personaliti yang menarik dan keperibadian yang mulia. Ini adalah menjadi ukuran utama kepada setiap orang. Justeru itu, sebagai pendakwah, seseorang itu hendaklah memastikan dirinya sentiasa di dalam ketinggian akhlak dan kemulian peribadi.

Pendakwah disarankan agar bersikap sederhana, berfikiran terbuka dan bijaksana serta mengelak diri bersikap keras dan kasar. Pendakwah juga perlu mengikis sikap prejudis terhadap golongan Mak Nyah muslim dengan membina hubungan baik dari masa ke semasa. Ini akan memudahkan usaha dakwah dilakukan.

Pendakwah mestilah cekap memilih pendekatan yang sesuai bagi setiap sasaran dakwah. Ini penting kerana budaya hidup sesuatu kumpulan sasaran itu mungkin tidak sama antara satu dengan yang lain. Penggunaan pendekatan yang sama bagi kumpulan yang berbeza mungkin kurang berhasil atau tidak langsung berhasil.

Institusi-institusi dakwah

Institusi-institusi dakwah perlu memperbanyakkan program dakwah khusus untuk Mak Nyah muslim. Setiap institusi pula perlulah merancang bentuk dakwah yang berlainan bagi mengelakkan pertembungan program. Kajian telah mendapati salah satu punca tidak berkesannya dakwah terhadap Mak Nyah muslim ialah kurangnya usaha dakwah dari institusi-institusi dakwah di Kuala Lumpur. Justeru itu, gerakan dakwah perlu dirangka segera bagi memastikan penyebaran dakwah adalah menyeluruh kepada seluruh hamba Allah di Kuala Lumpur.

Institusi dakwah hendaklah memastikan wujudnya pembahagian kerja yang jelas di kalangan mereka supaya dengan adanya pembahagian tugas yang jelas itu, sesebuah institusi dakwah dapat menumpukan usaha dan tenaganya dengan cara yang

lebih berkesan dan bermakna. Kalau diandaikan keupayaan berdakwah oleh sesebuah institusi dakwah itu ibarat segenggam garam, maka tentulah sia-sia kalau garam sebanyak itu dicurahkan ke dalam sebuah kolam yang besar, sebaliknya lebih baik dan lebih berkesan kalau garam itu dimasukkan ke dalam sebekas air yang lebih kecil.

Institusi dakwah perlu mempertingkatkan lagi teknik berdakwah seiring dengan keadaan sasaran dakwah. Ini adalah kerana menyebarkan dakwah umpama memasarkan barang yang memerlukan teknik-teknik pemasaran yang tertentu untuk menarik minat pelanggan. Begitu juga dengan dakwah yang memerlukan perancangan, pendekatan dan perlaksanaan yang rapi. Ini akan menarik minat Mak Nyah muslim untuk menyertai program dakwah yang dianjurkan.

Institusi dakwah hendaklah mempunyai menggabungkan tenaga pakar dalam pelbagai bidang bagi tujuan membuat penyelidikan serta melaksanakan khidmat berdakwah terhadap Mak Nyah muslim. Dengan tenaga pakar yang cukup, maklumat yang lengkap serta sokongan pendakwah, maka barulah program dakwah dapat berjalan dengan lebih teratur.

Penubuhan tabung dana khas program dakwah perlu diwujudkan bagi mengumpul sumber-sumber kewangan untuk membiayai program dakwah terhadap Mak Nyah muslim. Tabung ini bertujuan untuk menguruskan sumbangan yang diterima dari pihak kerajaan atau swasta. Ini akan disalurkan khusus untuk aktiviti dakwah terhadap Mak Nyah muslim.

Institusi dakwah perlu merangka modul pembentukan pendakwah di kalangan Mak Nyah muslim. Sejarah telah membuktikan bahawa penyebaran agama Islam adalah adalah lebih berkesan jika dilakukan oleh pendakwah-pendakwah dari kalangan mereka sendiri. Dalam hal ini, strategi perlu diatur bagi melahirkan pendakwah-pendakwah dari kalangan Mak Nyah muslim. Usaha ini boleh dilakukan dengan melatih veteran-veteran Mak Nyah muslim. Bagi melaksanakan program ini, satu modul khas perlu dirangka dengan melibatkan pelbagai institusi dakwah agar pendakwah yang bakal dilahirkan mempunyai pengetahuan yang luas dan strategi yang lebih tersusun.

Institusi dakwah perlu mengadakan pusat-pusat latihan dakwah secara khusus untuk memberi pendedahan ilmu dan maklumat-maklumat yang ada kepentingan dengan dakwah terhadap Mak Nyah muslim. Golongan yang memiliki ilmu yang disebut sebagai ilmu agama didedahkan dengan ilmu kemanusiaan atau ilmu teknologi maklumat dan sebaliknya golongan yang memiliki kepakaran tersebut didedahkan dengan ilmu agama. Pendedahan-pendedahan tersebut akan melahirkan pendakwah bersepada yang bersesuaian dengan masa kini.

Sasaran Dakwah

Mak Nyah muslim perlu mengharungi perubahan hidup dalam proses menuju negara maju. Mereka perlu memperlengkapan diri dengan persediaan-persediaan ruhani dan spiritual melalui penghayatan terhadap ilmu-ilmu Islam sebaik mungkin, seterusnya menggunakan kecanggihan pembangunan masa kini untuk dijadikan

saluran memperolehi maklumat tentang Islam. Mak Nyah muslim perlu memberikan komitmen kepada sebarang program dakwah samada yang dianjurkan khusus kepada mereka atau masyarakat umum. Mereka tidak perlu rasa malu untuk mendapatkan ilmu Islam malah merasa bangga bila masyarakat seperti mereka sanggup menghadiri kuliah-kuliah maghrib di masjid.

Selain daripada itu juga mereka perlu pandai membahagikan masa untuk memastikan mereka tidak tercicir dari segi ilmu akhirat . Di era teknologi maklumat kini, kemudahan untuk mendapatkan ilmu amat mudah sekali cuma bergantung kepada kesediaan kita menerima maklumat tersebut sahaja.

Mak Nyah muslim mestilah bersedia untuk memperlengkapkan diri dengan ilmu agama yang secukupnya. Pengetahuan yang mendalam boleh memberikan keyakinan terhadap sebarang tindakan dan gaya hidup seseorang. Ini juga dapat memberi keyakinan yang tinggi terhadap perlaksanaan ibadat dalam Islam tanpa wujudnya keraguan atau dilema yang sering menghantui sebahagian besar Mak Nyah muslim.

Media Dakwah

Untuk mencapai tujuan dakwah, ianya memerlukan peralatan dan sarana yang mencukupi. Justeru itu dakwah hendaklah selain daripada lisan, dilakukan melalui bimbingan praktikal dengan cara yang lebih meluas. Golongan minoriti dalam masyarakat seperti Mak Nyah muslim memerlukan pendekatan yang khusus. Usaha

dakwah yang dijalankan haruslah memberikan tumpuan kepada membangunkan secara bersepada tanpa adanya pemisahan antara aspek spiritual, fizikal dan mental.

Media massa seperti akhbar, radio dan televisyen merupakan mekanisme yang mempunyai pengaruh besar dan berkesan di dalam membentuk keperibadian manusia. Justeru itu media massa sebaik-baiknya digunakan untuk menyampaikan mesej dakwah. Oleh itu disarankan kepada semua pihak yang terlibat dengan penerbitan media massa agar menyokong serta menerbitkan bahan-bahan dakwah yang khas kepada golongan Mak Nyah muslim.

Media elektronik juga boleh dijadikan sebagai perencana perubahan minda Mak Nyah muslim. Ini kerana kebanyakan mereka sangat berminat dengan media elektronik seperti internet dan televisyen. Kesempatan yang ada ini perlu dimanfaatkan iaitu dengan menyelitkan rancangan-rancangan yang menjurus kepada dakwah Islam.

Penggerak dakwah hendaklah melengkapkan dirinya dengan peralatan yang canggih selaras dengan kemajuan sains dan teknologi terkini. Pengendali dakwah juga mestilah berkemampuan dan berupaya mengendali alat-alat canggih tersebut. Pewujudan M.S.C di negara ini sewajarnya disambut dengan dada yang lapang dan berkeinginan untuk berjuang dengan lebih kental, bukan bersempit dada dan membenci serta menolak kemajuan yang ada. Sikap yang menolak ini akan merugikan umat Islam keseluruhan dan menyempitkan saluran atau media dakwah yang sebenarnya